

PEMERKASAAN EKONOMI DIGITAL, TRANSFORMASI PERTANIAN PINTAR



KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN INDUSTRI MAKANAN

INFO@MAFI

PROGRAM AIVAC LANGKAH PROAKTIF JAMIN KELANGSUNGAN RANTAIAN BEKALAN MAKANAN NEGARA





TINJAUAN YBM MAFI KE PROGRAM VAKSINASI BARISAN HADAPAN INDUSTRI AGROMAKANAN (AIVAC) CAMERON HIGHLANDS DAN SYARIKAT GREENHEART FARMS SDN BHD

YB Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, Menteri Pertanian dan Industri Makanan telah turun padang pada 18 September 2021 untuk melihat sendiri operasi Pusat Pemberian Vaksin Industri Bergerak (Mobile PPVIN) di bawah Program Vaksinasi Barisan Hadapan Industri Agromakanan (AiVAC) yang bertempat di Dewan Serbaguna Kg. Raja, Cameron Highlands, Pahang.

Turut serta, YB Datuk Seri Hj. Ahmad bin Hamzah, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, YB. Dato' Sri Ir. Haji Mohd. Soffi bin Tan Sri Abd. Razak, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Bioteknologi Negeri Pahang, YBhg. Dato' Haslina binti Abdul Hamid, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), YBhg. Datuk Badrul Hisham bin Mohd, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) MAFI

dan YBhg. Dato' Zahimi bin Hassan, Timbalan Ketua Pengarah Pertanian (Pengurusan dan Regulatori) Jabatan Pertanian.

Program AiVAC merupakan satu inisiatif Kerajaan melalui MAFI untuk meningkatkan pengambilan vaksinasi kalangan pesawah, petani, penternak, nelayan, dan pekerja-pekerja serta individu yang terlibat dalam sektor agromakanan yang merupakan salah satu sektor perkhidmatan yang penting (*essential services*). Pelaksanaan AiVAC adalah sebagai langkah proaktif untuk mengurangkan risiko keberjangkitan dan melindungi kesejahteraan pekerja sektor agromakanan bagi menjamin kelangsungan rantaian bekalan makanan negara khususnya setelah pembukaan semula pelbagai sektor ekonomi di bawah Pelan Pemulihan Negara (PPN).



Terdahulu, Dr Ronald turut mengadakan sesi libat urus bersama wakil-wakil daripada *Sustainable Modern Agriculture Cameron Highlands Committee* (SMACH) bagi membincangkan mengenai inisiatif-inisiatif untuk menggalakkan amalan pertanian yang moden dan lestari di Cameron Highlands. Beliau juga berkesempatan untuk meninjau projek pertanian yang diusahakan oleh Syarikat Greenheart Farms Sdn. Bhd. di Lojing. Syarikat Greenheart Farms mengeluarkan sayur-sayuran yang berkualiti tinggi bebas racun perosak (*pesticide-free*) melalui kaedah tanaman intensif dengan memberikan fokus kepada peningkatan produktiviti dan kualiti tanaman melalui pengamalan

Pengurusan Perosak Bersepadu (*Integrated Pest Management*).

Selaras dengan peralihan fasa dalam Pelan Pemulihan Negara (PPN) yang melibatkan pembukaan beberapa sektor, MAFI sentiasa mengambil langkah proaktif yang perlu bagi memastikan kelancaran rantai bekalan makanan termasuk pelaksanaan pemberian vaksin kepada semua pekerja dan pengusaha dalam sektor agromakanan di semua peringkat. Dengan kerjasama semua pihak, MAFI akan terus memastikan bekalan makanan berada dalam keadaan yang mencukupi serta stabil.



PELAN STRATEGIK PEMBANGUNAN INDUSTRI TUNA 2021-2030 BAKAL DILANCAR BAGI MENINGKATKAN PENDARATAN TUNA DAN MEMBANGUNKAN PERIKANAN LAUT DALAM

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) bakal melancarkan Pelan Strategik Pembangunan Industri Tuna 2021-2030 sebagai inisiatif pembangunan dan pengurusan industri tuna negara yang menyeluruh selaras dengan Dasar Agromakanan Negara 2.0 (DAN 2.0).

Pendekatan yang berfokus dan bersasar dalam pelan ini akan terus membangunkan industri tuna dan perikanan laut dalam dengan meningkatkan pendaratan sektor perikanan dan jaminan sekuriti makanan negara serta menggalakkan penglibatan pengusaha industri tersebut di sepanjang rantaianya sekaligus meningkatkan daya saing dan pendapatan kumpulan sasar.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee berkata industri perikanan tuna kian rancak dibangunkan dan mutakhir ini ia menjadi suatu sumber kekayaan baharu negara hasil daripada kerjasama semua pihak terutama pengusaha vesel penangkapan ikan tuna yang komited. "Pelan Strategik Pembangunan Industri Tuna 2021 - 2030 wajar diterjemahkan dengan memastikan peluang ini dapat dimanfaatkan oleh semua pihak kerana ia tidak terhad kepada aktiviti penangkapan sahaja, malah pelbagai perkhidmatan lain di sepanjang rantai nilai industri tuna boleh dibangunkan seperti pelabuhan, pengangkutan, penyimpanan, pemprosesan dan lain-lain," katanya.

Dr Ronald berkata demikian kepada pemberita semasa Program Pendaratan Tuna di Dermaga Ayer Dalam, Pulau Pinang di mana kapal Ibu Wira 1 telah berjaya mendaratkan sebanyak 15 tan metrik tuna manakala Ibu Wira 2 pula telah mendaratkan sebanyak 37 tan metrik tuna.

Turut hadir YB Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, YBhg. Dato' Haslina binti Abdul Hamid, Ketua Setiausaha MAFI, YBrs. En. Ahmad Tarmidzi bin Ramly, Ketua Pengarah Perikanan dan YBrs. En. Yusoff bin Othman, Ketua Pengarah LKIM.



PENYERAHAN BANTUAN MAFI PRIHATIN DAN PENYAMPAIAN GERAN AGROPRENEUR MUDA DI MELAKA

Pada 4 September 2021, YB Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I telah menyerahkan bantuan makanan MAFI Prihatin di Pejabat Persatuan Nelayan Kuala Sg Baru, Melaka. Bagi menjayakan program ini, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) telah menyediakan 260 kit makanan untuk masyarakat nelayan di Parlimen Masjid Tanah dan Jabatan Perikanan Malaysia pula menyediakan 40 kit makanan untuk nelayan darat Daerah Alor Gajah.

Disamping itu, Jabatan Perikanan Malaysia turut menyampaikan Lesen Sampan Khas kepada 43 orang penerima dan Bantuan SPeKS Akuakultur berupa peralatan, Makanan dan Benih Ikan kepada 5 orang Penternak Daerah Alor Gajah dengan nilai RM91,400. Objektif utama bantuan SPeKS ini adalah untuk memastikan Key Performance Index (KPI) data pengeluaran ikan makan negara tercapai khususnya bagi negeri Melaka yang menasasarkan 4,000 tan metrik bagi tahun 2021.

YB Timbalan Menteri I juga berkesempatan untuk turut serta dalam aktiviti pelepasan 100,000 benih udang di Paya Lebar, Masjid Tanah, Melaka. Pelepasan benih udang ini bertujuan menambah dan mengekalkan stok udang galah di perairan umum dan memperkenalkan perikanan rekreasi sebagai salah satu aktiviti utama. Turut serta YB Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati Samsudin, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang) merangkap Ahli Parlimen Masjid Tanah dan pengurusan tertinggi MAFI.

Dalam lawatan sama, YB Timbalan Menteri I telah menyempurnakan Majlis penyampaian *Mock Cheque* Geran Agropreneur Muda 2021 kepada penerima-penerima geran di Masjid Tanah Melaka. Di Melaka, terdapat seramai 33 penerima geran dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM0.66 juta. YB Timbalan Menteri I juga telah meluangkan masa untuk meninjau projek tanaman cili fertigasi dan juga rock melon fertigasi yang diusahakan oleh peserta-peserta Agropreneur Muda di sekitar Kuala Linggi.





LAWATAN KERJA YB TIMBALAN MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN II KE LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)

YB Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh, Timbalan Menteri Pertanian & Industri Makanan II telah mengadakan lawatan kerja ke Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) pada 19 September 2021.

Dalam lawatan tersebut YB Timbalan Menteri II telah diberi penerangan oleh pihak MADA mengenai operasi kawasan dan pencapaian MADA sejak penubuhan hingga kini serta isu pelaksanaan dan cadangan penambahbaikan di Kawasan Muda dan aktiviti semasa MADA.



Turut hadir bersama, YB Ahmad Tarmizi bin Sulaiman, Pengerusi MADA, YBhg. Puan Azah Hanim binti Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) MAFI, YBhg. Tuan Haji Kamarudin bin Dahuli, Pengurus Besar MADA, dan YB Senator Ustaz Haji Ahmad bin Yahya, Ahli Dewan Negara.

KUNJUNGAN HORMAT UNITED NATIONS RESIDENT COORDINATOR KE KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN

YBhg. Dato' Haslina binti Abdul Hamid, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Makanan telah menerima kunjungan hormat oleh United Nations Resident Coordinator Malaysia, Ms. Karima El Korri di Wisma Tani Putrajaya pada 28 September 2021. Dalam sesi kunjungan hormat tersebut, satu sesi perbincangan telah diadakan antara pegawai-pegawai kanan Kementerian dengan wakil daripada UN Country Team Malaysia.





PROGRAM MAFI PRIHATIN FRONTLINER HOSPITAL SULTANAH MALIHA, LANGKAWI

Pada 11 September 2021, YBhg. Datuk Badrul Hisham bin Mohd, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) Kementerian Pertanian dan Industri makanan dengan kerjasama FAMA negeri Kedah telah menyempurnakan penyerahan buah-buahan dan produk Agromas melalui Program MAFI Prihatin kepada 120 orang Frontliner Hospital Sultanah Maliha, Langkawi sebagai sumbangan dan penghargaan kepada barisan hadapan dalam memerangi Covid-19.

Sumbangan adalah berbentuk buah-buahan tempatan dan barangan produk Agromas serta produk usahawan Industri Asas Tani. Program ini merupakan kesinambungan program dua hala yang dapat membantu petani memasarkan hasil pertanian dan meringankan bebanan rakyat yang terkesan dengan Covid-19.



SIDANG REDAKSI:

PENAUANG:
YBHG. DATO'
HASLINA BINTI
ABDUL HAMID
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN INDUSTRI MAKANAN

KETUA EDITOR:
SALMAH BINTI
RAMLI

EDITOR:
NURIL
MUTMAINNAH
BINTI ROSLAN

PENULIS:
DARLEENA
ANAK DICKIE
UMPANG

GRAFIK:
SURAIYA
HANI BINTI
ZAMARI

JURU FOTO:
MOHD NAJIB
BIN ABDUL
JABAR

EMRIL FARIZ
BIN REZALI

HEBAHAN:
ROSMA
INSYIRAH
BINTI
OTHMAN

NUR NAZRISHA
BINTI
MOHAMAD
ZAINUDDIN

**IDEA, KONSEP &
TERBITAN:**
UNIT KOMUNIKASI
KORPORAT, MAFI